



TEMA
5

UNIT
14

MS
98

MENULIS (PEMAHAMAN)

IDOLA DI LITAR

AKTIVITI

Membaca dan menjawab soalan pemahaman.

Hafizh Syahrin bin Abdullah merupakan anak kelahiran Selangor. Beliau dilahirkan pada 5 Mei 1994. Beliau telah mengharumkan nama negara dalam bidang sukan permotoran

Beliau mula berkecimpung dalam sukan permotoran sejak tahun 2007. Beliau mendapat tempat ketiga dalam perlumbaan terbuka mewakili pasukan Petronas. Pada tahun 2009, beliau telah dinobatkan sebagai pemenang kategori pelumba muda dalam perlumbaan yang diadakan di Alor Setar, Kedah.

Pada tahun 2012, Hafizh Syahrin berjaya menaiki podium di tempat ketiga dalam kategori Pelumba Jemputan Kelas Moto2. Kemudian, beliau mendapat tempat kedua dalam perlumbaan kelas Moto2 di San Marino, Itali dan mendapat tempat ketiga di Motegi, Jepun. Hafizh Syahrin melakar sejarah menjadi pelumba pertama negara dan Asia Tenggara yang berlumba di kelas utama MotoGP. Pembabitannya dalam kelas utama Moto GP bermula pada tahun 2017. Sikap kesungguhan beliau harus dipuji.

1. Siapakah pelumba dalam sukan permotoran negara?

2. Di manakah negeri kelahiran beliau?

3. Apakah kejayaan yang telah diperoleh beliau?

4. Mengapakah semangat beliau harus dicontohi?

5. Sekiranya kamu berminat untuk berlumba, di manakah tempat yang sesuai? Mengapa?
